

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]

TARIKH : 11.6.2015

SOALAN :

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian guru-guru yang bertugas di Sabah, termasuklah asal usul mereka serta bilangan guru-guru dari Sabah yang bertugas di Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menempatkan seramai 42,114 orang guru untuk berkhidmat di semua jenis sekolah di Sabah seperti pada 30 April 2015. Hal ini meliputi 32,574 (77.35 peratus) orang guru yang berasal dari Sabah, 8,501 (20.19 peratus) orang guru yang berasal dari Semenanjung, 990 (2.35 peratus) guru berasal dari Sarawak dan 49 (0.12 peratus) orang guru berasal dari Wilayah Persekutuan Labuan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, seramai 786 orang guru berasal dari Sabah bertugas di negeri Sarawak. Sementara itu, 8,501 orang guru berasal dari Sabah bertugas di Semenanjung Malaysia.